

04 JUL 1998

PERKHIDMATAN AWAM: PERSATUAN PEMAJU PERUMAHAN SOKONG SARANAN PM

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Persatuan Pemaaju Perumahan (HDA) Malaysia menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perkhidmatan awam mempercepat pemprosesan permohonan dan mengurangkan karenah birokrasi.

Presdien HDA, Eddy Chen berkata langkah itu itu penting untuk memulihkan ekonomi.

Beliau berkata dalam satu kenyataan hari ini karenah birokrasi dan peraturan-peraturan yang lembab hanya meningkatkan kos yang tidak sepatutnya.

"Pada masa ini, industri binaan menghadapi antara 30 hingga 40 proses kelulusan yang menmgambil masa dua hingga enam tahun untuk disiapkan," katanya.

Katanya persatuan juga gembira kerana kerajaan mengiktirafkan sektor pembinaan sebagai penting kepada pertumbuhan ekonomi.

"Dana Pembangunan Prasarana berjumlah RM5 bilion sudah tentu akan bertindak sebagai pemangkin bagi mencergaskan semula sektor pembinaan," katanya mengenai dana itu yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Rabu lepas.

-- BERNAMA

MHI WAT